



**A. PENGENALAN**

1. Notis Perlindungan Data Peribadi ("**Notis**") ini dipaparkan menurut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("**Akta tersebut**"). Notis ini menerangkan cara bagaimana Tetuan HL Wong, Soh & Co. ("**Firma ini**") menerima, menggunakan, memproseskan dan melindungi Data Peribadi anda yang mana anda bekalkan kepada Firma ini.
2. Dengan melantik Firma ini untuk membekalkan perkhidmatan perundangannya dan/atau semasa berkomunikasi dengan kami, anda dengan ini bersetuju kepada pemprosesan Data Peribadi anda oleh Firma ini berdasarkan Notis ini dan Akta tersebut, kecuali jika kami menerima notis bertulis yang menyatakan sebaliknya daripada anda.

**B. PENERANGAN DATA PERIBADI**

3. Data Peribadi hendaklah mempunyai maksud yang sama seperti yang dinyatakan dalam Akta tersebut.
4. Data Peribadi yang kami proseskan mungkin termasuk nama, umur, jantina, kaum, kewarganegaraan, alamat, alamat emel, nombor telefon, maklumat hubungan, nombor kad pengenalan, nombor pasport, pekerjaan, gambar, maklumat akaun bank, status perkahwinan, maklumat cukai pendapatan, butiran ahli-ahli keluarga dan apa-apa maklumat lain anda yang berkaitan dengan anda secara langsung atau tidak langsung.

**C. SUMBER-SUMBER DATA PERIBADI**

5. Kami akan mengumpul Data Peribadi melalui beberapa cara, termasuk tetapi tidak terhad kepada:
  - (a) Data Peribadi yang anda bekalkan kepada Firma ini secara langsung sepanjang tempoh perlantikan kami; dan
  - (b) Data Peribadi yang diperolehi daripada sumber-sumber yang sah, termasuk tetapi tidak terhad kepada, carian pihak-pihak ketiga, carian dalam talian dan jabatan-jabatan kerajaan.

**D. TUJUAN-TUJUAN PENGUMPULAN DATA PERIBADI**

6. Dengan melantik Firma ini, anda dengan ini bersetuju bahawa Firm ini mengumpul, menggunakan dan memproseskan Data Peribadi anda untuk tujuan-tujuan berikut:
  - (a) Untuk membekalkan perkhidmatan-perkhidmatan perundangan;

- (b) Untuk berkomunikasi dengan anda;
- (c) Untuk tujuan-tujuan pengurusan Firma ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengebilan, penyimpanan rekod, perakaunan dan tujuan-tujuan semakan konflik;
- (d) Bagi tujuan pematuhan keperluan-keperluan peraturan dan perundangan;
- (e) Untuk menghantar kad ucapan, surat berita, artikel-artikel, peristiwa-peristiwa dan jemputan-jemputan yang mungkin akan menarik minat anda; dan
- (f) Untuk dihantar sebagai perujuk-perujuk berpotensi kepada editor-editor/penyelidik-penyelidik dalam terbitan-terbitan dan jurnal-jurnal berkenaan dengan ranking perundangan dan klien berpotensi yang memohon perujuk-perujuk untuk sebahagian kerja dalam tender kami atau pembidaan untuk kerja-kerja kami.

Sekiranya anda tidak bersetuju bahawa Firma ini menggunakan dan memproseskan Data Peribadi anda untuk tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas, sila maklumkan kepada Firma ini melalui maklumat hubungan yang dinyatakan di bawah.

#### **E. PENDEDAHAN DATA PERIBADI KEPADA PIHAK-PIHAK KETIGA**

- 7. Data Peribadi yang diterima oleh Firma ini mungkin akan didedahkan kepada pihak-pihak ketiga (di dalam atau di luar negara Malaysia) seperti berikut:
  - (a) Mana-mana pihak yang telah diberikuasa atau dipersetujui oleh anda;
  - (b) Mana-mana pihak yang dikehendaki sepanjang tempoh pembekalan perkhidmatan-perkhidmatan perundangan kepada anda;
  - (c) Mana-mana pihak yang dikehendaki oleh Firma ini untuk tujuan pematuhan apa-apa keperluan-keperluan peraturan dan perundangan;
  - (d) Mana-mana badan pengawalseliaan dan pihak berkuasa kerajaan; dan
  - (e) Perunding-perunding luaran dan penasihat-penasihat professional kami, juruaudit, akauntan, jurubank, pekerja, syarikat insuran dan pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Firma ini.

**F. AKIBAT-AKIBAT KETIDAKBEKALAN DATA PERIBADI**

8. Ia adalah dikehendaki bagi Firma ini untuk mengumpul dan menyimpan Data Peribadi anda untuk tujuan pembekalan perkhidmatan-perkhidmatan perundangan dan tujuan-tujuan lain yang dinyatakan dalam Notis ini.
9. Pembekalan Data Peribadi anda adalah secara sukarela. Anda adalah dibenarkan untuk mengehadkan cara-cara kami memproseskan Data Peribadi anda. Walaubagaimanapun, jika Data Peribadi yang dibekalkan oleh anda adalah tidak mencukupi atau adalah terhad, terdapat kemungkinan bahawa kami tidak dapat membekalkan perkhidmatan-perkhidmatan perundangan kami kepada anda secara berkesan.

**G. KESELAMATAN DATA PERIBADI**

10. Firma ini akan menggunakan tatacara dan langkah-langkah sekuriti yang ketat untuk mengelakkan akses kepada Data Peribadi yang tidak dibenarkan sejauh mana yang mungkin.

**H. AKSES KEPADA DATA PERIBADI, PEMBETULAN, PERTANYAAN-PERTANYAAN DAN ADUAN-ADUAN**

11. Tertakluk pada pembayaran fi yang dibenarkan di bawah Akta tersebut, jika anda ingin:
  - (a) Memohon untuk akses kepada Data Peribadi anda; atau
  - (b) Untuk membetulkan / mengemaskini Data Peribadi anda yang tidak tepat, tidak lengkap atau telahpun luput; atau
  - (c) Untuk mengehadkan cara kami memproseskan Data Peribadi anda; atau
  - (d) Untuk menarik balik kebenaran anda bagi kami untuk memproseskan Data Peribadi anda atau mendedahkan Data Peribadi anda kepada pihak-pihak ketiga lain yang dinyatakan di atas; atau
  - (e) Untuk membuat pertanyaan-pertanyaan yang berkaitan atau aduan-aduan;

sila hubungi kami secara bertulis kepada:

Rakan Kongsi Urusan  
Tetuan HL Wong, Soh & Co.  
L-5-9, No. 2, Jalan Solaris  
Solaris Mont' Kiara  
50480 Kuala Lumpur.  
Tel : 03-6413 5988  
Faks : 03-6413 5989  
Emel : [enquiry@hlwong-soh.com](mailto:enquiry@hlwong-soh.com)

12. Firma ini merizabkan hak untuk menolak permintaan anda sejauh mana yang dibenarkan oleh Akta tersebut.
13. Sila ambil maklum bahawa anda adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Data Peribadi anda yang dibekalkan kepada Firma ini adalah tetap dan dikemas kini dari semasa ke semasa.

#### **I. LAIN-LAIN**

14. Firma ini mempunyai hak untuk mengubahsuai Notis ini dari semasa ke semasa. Dengan melantik firma ini selepas penyampaian Notis kami yang terkini, anda dianggap telah bersetuju kepada versi Notis ini yang terkini.
15. Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia bagi Notis ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.
16. Dalam Notis ini, “anda” mesti dirujuk sebagai anda sendiri, wakil-wakil anda; bagi sebuah syarikat, pengarah-pengarah anda, pemegang-pemegang saham anda, pengurus-pengurus anda dan/ atau pegawai-pegawai anda yang membekalkan Data Peribadi mereka kepada Firma ini; bagi sebuah perkongsian, rakan-rakan kongsi anda, pengurus-pengurus anda dan/ atau pegawai-pegawai anda yang membekalkan Data Peribadi mereka kepada Firma ini; bagi sebuah pertubuhan, kelab atau badan yang tidak diperbadankan, pemegang-pemegang jawatan anda yang telah membekalkan Data Peribadi mereka kepada Firma ini.

